

## BAB SATU

### PENGENALAN

#### Latar belakang masalah

Subjek Pendidikan Islam di dalam Kurikulum Baru Sekolah Menengah (KBSM) merupakan mata pelajaran teras dan kesinambungan daripada apa yang dipelajari di sekolah rendah lagi. Ia wajib dipelajari oleh semua pelajar muslim. Berdasarkan Kementerian Pendidikan, matlamat Pendidikan Islam adalah untuk membentuk pelajar menjadi muslim yang berilmu, beriman, beramal soleh dan berperibadi yang mulia. Program Pendidikan Islam ini dibahagikan kepada dua bahagian utama dalam pembelajaran iaitu:

- i. Bahagian Tilawah al-Quran: Ia memberi tumpuan terhadap pembacaan ayat-ayat al-Quran dengan tajwid yang betul, hafazan ayat-ayat yang ditentukan dan kefahaman berkaitan ayat-ayat tertentu.
- ii. Bahagian Ulum Syariah : Ia meliputi bidang aqidah, fikh, akhlak dan tamaddun Islam.

Menurut Wan Bakar (1991), antara objektif am pelajaran al-Quran KBSM adalah seperti berikut:

- i. Memperkuuhkan kemahiran pelajar membaca, memahami, menghafaz dan menghayati al-Quran kesinambungan dari apa yang diperolehi semasa di sekolah rendah.
- ii. Membaca, memahami dan menghayati kandungan al-Quran serta menghafaz ayat-ayat yang ada kaitan dengan amalan dalam kehidupan sehari-hari.

Manakala objektif belajar al-Quran di dalam KBSM antaranya seperti berikut:

- i. Untuk melahirkan pelajar yang boleh membaca dan menghafaz al-Quran dengan baik dan lancar.
- ii. Dapat melahirkan pelajar-pelajar yang sentiasa membaca dan menghafaz al-Quran semasa di sekolah atau di luar waktu sekolah.

Abdullah Qari (1991), menerangkan bahawa di dalam Islam, perkara utama yang perlu dititikberatkan dalam mempelajari al-Quran ialah hukum tajwid tanpa menambah atau mengurangkan huruf-huruf dan lidah perlu dipelihara dari kesalahan dari segi bacaan.

Tetapi apa yang nyata pada hari ini masih ramai pelajar yang menghadapi masalah dalam pembacaan al-Quran kerana tidak dapat menguasai hukum tajwid tersebut (Mohd Yusuf, 1994). Ini menunjukkan objektif pembelajaran al-Quran di dalam KBSM tidak tercapai bahawa Sehubungan itu adalah dirasakan perlu diberi bimbingan dan pemulihan terhadap mereka untuk mengelakkan dari berterusan gagal membaca al-Quran dengan betul dan bertajwid.

### **Masalah kajian**

Pembelajaran al-Quran telah mula dididik kepada anak-anak pada keseluruhannya sebelum kanak-kanak memasukki alam persekolahan. Ini bermakna mereka telah lama di asuh membaca al-Quran, tetapi apa yang menyediakan masih ramai pelajar yang belum dapat menguasai tajwid al-Quran. Berdasarkan pengalaman, pemerhatian penyelidik dan pandangan

guru-guru yang mengajar subjek Pendidikan Islam pelajar-pelajar menghadapi masalah ini adalah disebabkan:

- Pengetahuan dan pemahaman yang ceteck hasil dari pembelajaran yang lepas berkaitan hukum tajwid di sebabkan sikap pelajar yang memandang remeh terhadap kewajipan membaca al-Quran dan menganggap hanya sebagai amalan membaca buku.
- Sikap pelajar yang kurang berminat di dalam pembelajaran al-Quran kerana sukar untuk memahami konsep hukum tersebut berdasarkan huruf hijaiyyah (jawi) kerana para pelajar tersebut tidak dapat menguasai tulisan dan bacaan jawi dengan baik .
- Tidak terdapat satu kaedah atau rujukan yang tertentu digunakan oleh guru untuk membantu pelajar menyelesaikan masalah ini.
- Pelajar-pelajar ini tidak mendapat bimbingan secara terperinci dari guru-guru disebabkan jumlah pelajar yang ramai di dalam sebuah kelas, waktu yang diperuntukkan selama 40 minit pengajaran.
- Sikap pelajar yang berasa malu untuk bertanya guru jika mereka menghadapi masalah untuk memahami pelajaran tersebut.

Sehubungan itu penyelidik cuba mencari jalan bagi mengatasi masalah yang dihadapi oleh pelajar-pelajar yang lemah di dalam hukum asas tajwid tersebut.

#### **Landasan teori bagi pemulihan tajwid al-Quran**

Menangani masalah menguasai hukum tajwid bagi pelajar tingkatan empat yang bakal menduduki peperiksaan SPM/SPM(V) setahun kemudianya merupakan satu cabaran bagi guru-guru yang terlibat. Bagi pelajar yang

berpencapaian rendah kebanyakan mereka sangat ketinggalan dalam penggunaan hukum tersebut seolah-olah mereka tidak pernah mengikuti pembelajaran tajwid sebelum ini. Menurut Mohd Yusuf, (1994) sekurang-kurangnya empat perkara di bawah perlu dipelajari oleh setiap orang untuk membaca al-Quran dengan betul iaitu:

- a. Belajar membaca (Tilawah). Iaitu membaca dengan betul mengikut hukum tajwid, mengenali hukum-hukum tersebut dengan baik dan fasih dengan nada suara yang sesuai mengikut lagu al-Quran
- b. Memahami makna dan maksud ayat-ayat yang dibaca.
- c. Mengamal dan menghayati ajaran al-Quran dengan sepenuh hati (latbiq)
- d. Menghafaz ayat-ayat yang difahami makna dan maksud dan ayat-ayat tertentu untuk amalan dan wirid.

Menurut Al-Khalidy (1985), adalah tidak tepat jika orang berpendapat bahawa al-Quran hanya perlu dipelajari dari segi bacaan sahaja sekadar mengikut baris yang tertulis. Demikian juga tidak tepat jika orang mengatakan bahawa al-Quran tak perlu dibaca tapi hanya memahami maksudnya sahaja. Sebenarnya semua hal ini kait-mengait dan untuk mendapat bacaan yang betul perlu terlebih dahulu mengenali huruf hijaiyyah dan menguasai hukum tajwid.

### **Tumpuan kajian**

Kajian ini bertujuan untuk membina modul pembelajaran bagi pelajar-pelajar yang belum berkenaan hukum tajwid bagi tajuk terpilih. Ia memberi tumpuan terhadap tahap pengetahuan dan kefahaman pelajar bagi hukum

tersebut secara tulisan. Pemahaman begini perlu terlebih dahulu kerana para pelajar perlu mengenal huruf-huruf hijaiyyah dengan baik sebelum dapat mengaitkannya secara bacaan.. Pelajar-pelajar perlu terlebih dahulu mengetahui secara teorinya keadaan yang mewujudkan hukum-hukum tajwid tertentu di dalam bacaan al-Quran.

### **Objektif kajian**

Asas pelajaran tajwid adalah mengenal huruf hijaiyyah dan hukum-hukum untuk pembacaan al-Quran. Di dalam KBSM konsep asas hukum masih menjadi masalah utama seperti hukum Nun Sakinah(mati), Mim Sakinah (mati). Kedua-dua tajuk ini diajar terlebih dahulu sebelum beralih ke tajuk yang lebih sukar. Sehubungan itu objektif kajian ini adalah untuk :

- i. Mengenal pasti punca kelemahan pelajar di dalam pengetahuan dan kefahaman hukum tajwid di atas.
- ii. Menghasilkan Modul Pembelajaran Kendiri (MPK) bercetak yang meliputi kedua-dua hukum tajwid di atas.
- iii. Menjalankan penilaian formatif terhadap MPK tersebut untuk mengetahui kesesuaian dan keberkesanannya.

Manakala objektif MPK ini dihasilkan adalah untuk:

- i. Membantu pelajar yang lemah yang perlukan pengajaran pemulihan mengingati dan mengenalpasti hukum-hukum tersebut dalam bentuk tulisan berdasarkan tahap pemahaman dan pencapaian mereka yang sedia ada. Pelajar boleh mengambil bahagian secara aktif dalam proses pembelajaran yang diikuti.

- ii. Memberi peluang kepada pelajar-pelajar yang lemah belajar mengikut tahap kebolehan mereka mengikut langkah-langkah yang disusun dengan jelas.

### **Persoalan kajian**

Kajian ini bertujuan untuk menjawab soalan-soalan berikut:

- i. Adakah penggunaan MPK yang dihasilkan dalam pengajaran pemuliharan hukum tajwid KBSM dapat membantu pelajar meningkatkan pemahaman dan penguasaan serta prestasi pencapaian pelajar terhadap hukum tajwid bagi kedua-dua tajuk di atas secara literasi?
- ii. Apakah tanggapan pelajar mengenai MPK yang dihasilkan? Adakah ianya menarik untuk diikuti serta mudah difahmi?

### **Batasan kajian**

Kajian ini dijalankan ke atas pelajar-pelajar tingkatan empat di Sekolah Menengah Teknik Kuala Klawang yang lemah di dalam menguasai ketigatiga hukum tajwid di atas. Penyelidik memilih sekolah ini di sebabkan ia memudahkan kajian kerana penyelidik sendiri mengajar di sekolah yang sama. Pelajar-pelajar yang dipilih adalah mereka yang mendapat markah 35% ke bawah berdasarkan keputusan ujian diagnostik yang dijalankan sebelumnya. Seramai 20 orang pelajar akan terlibat di dalam penilaian formatif untuk mengetahui kesesuaian MPK bagi proses pengajaran dan pembelajaran. Manakala guru-guru yang mengajar Pendidikan Islam seramai tiga orang akan telibat sebagai fasilitator kepada pelajar-pelajar ini.

### Definisi istilah

Di bawah ini disenaraikan maksud istilah-istilah yang digunakan di dalam kajian ini. Istilah-istilah tersebut berdasarkan Glossari Teknologi Pendidikan(1995) dan buku-buku berkaitan dengan hukum tajwid..

- Tajwid

Tajwid bermaksud kaedah membaca al-Quran mengikut bunyi atau sebutan (makhraj) yang betul .

- Nun Sakinah

Huruf Nun (ن) yang menerima tanda sukun ( mati )

- Tanwin

Huruf yangt menerima baris dua samada di atas, bawah atau dihadapan.

- Mim Sakinah

Bermaksud huruf Mim yang menerima tanda (م )

- Modul Pembelajaran

Ia merupakan salah satu pengajaran dan pembelajaran terancang yang mengandungi perihal dan penganalisisan yang teliti.

- Pengajaran Individu

Satu kaedah pengajaran yang memberi tumpuan kepada keperluan seseorang pelajar.

- Pengajaran Pemulihan

Satu cara pengajaran yang di adakan untuk mengatasi kelemahan pelajar.

- Reka bentuk pengajaran

Satu proses merancang dan menggubal pengajaran secara bersistem dengan meneliti matlamat, kaedah aktiviti dan hasil pembelajaran yang diharapkan.

- Analisis pengajaran

Satu tindakan menganalisis langkah pengajaran mengikut tertib dan urutan.

- Penilaian formatif

Penilaian yang dijalankan semasa masih di dalam kerja pembinaan projek atau program bagi memastikan ia mengikuti haluan yang ditetapkan.

- Pencapaian rendah

Para pelajar yang masih gagal menguasai hukum tajwid dan masih tidak mencapai tahap markah kelulusan yang digariskan.